

## Sejarah Penubuhan Masjid



MASJID UKM telah dibina di atas tapak seluas dua hektar yang terletak di hadapan pintu masuk utama Universiti Kebangsaan Malaysia. Pembinaannya dimulakan pada 16 Mac 1979 dengan kos berjumlah RM 5.1 juta. Ia telah diserahkan secara rasmi kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia pada hari Rabu 14 April 1982. Usaha pengimaran masjid ini bermula pada hari Jumaat 16 April 1982.

Reka bentuk Masjid UKM adalah hasil ilham Encik Abdullah Bakri, bekas Pengarah Unit Pembangunan, UKM. Bangunan ini dikelilingi oleh enam menara dan sebuah menara besar setinggi 6666 sentimeter yang telah diilhamkan oleh Tun Syed Nasir, bekas Pro Canselor UKM.

Bangunan Masjid ini mengandungi tiga paras di mana pada awal penubuhan, paras dua digunakan ketika solat fardhu untuk jemaah lelaki manakala paras tiga untuk jemaah wanita. Paras satu pula digunakan untuk solat Jumaat. Bangunan Masjid ini berkeluasan 25 713.41 meter persegi (74 500) dan boleh menampung jemaah seramai 5000 orang dalam satu – satu masa.



Paras satu Masjid mempunyai sebuah dewan solat, tempat wudhu (lelaki dan wanita), tandas ( lelaki dan wanita), pejabat pentadbiran Pusat Islam UKM dan sebuah bilik mesyuarat, sebuah bilik rehat imam dan bilal, tiga buah bilik seminar dan sebuah bilik mandian jenazah.

Paras dua Masjid mempunyai sebuah dewan sembahyang, sebuah Kutub Khanah dan sebuah bilik tetamu (VIP).



Paras tiga pula mempunyai dewan solat wanita, bilik studio dan dua tempat wudhu.

Persekitaran masjid mempunyai enam buah pondok wakaf, sebuah dapur (termasuk bilik mandi dan tandas), dua buah tempat wudhu serta terdapat lebih kurang 300 lot tempat letak kereta.

Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, MENU  
Selangor, MALAYSIA

+603 8921 5404 (Bangi)

+603 9145 6873 (KKL)

+603 8925 1513

[pusatislam@ukm.edu.my](mailto:pusatislam@ukm.edu.my)



Laman web ini boleh diakses dengan menggunakan peranti pintar. Paparan terbaik dengan pelayar web versi terbaru pada resolusi minimum 1024x768.

Akhir Kemaskini: 28/12/2020

**Isnin - Khamis**

08:00 - 17:00

(13:00-14:00 Tutup)

**Jumaat**

08:00 - 17:00

(12:15-14:45 Tutup)

**Hari Minggu**

Tutup